



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR
TERHADAP PENGUASAAN SIMPULAN BAHASA
DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH
MENENGAH**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SHAMALA A/P RATNA KUMAR

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KEBERKESANAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR TERHADAP PENGUASAAN
SIMPULAN BAHASA DALAM KALANGAN
MURID SEKOLAH MENENGAH**

SHAMALA A/P RATNA KUMAR



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2025



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UMPSA-1001-20
Revisi: 03/2022-11

Silatanda (i)
Kertas Projek
Sajaja Penyediaan
Sajaja Penyediaan dan Kerja Khas
Dokke Tabulah



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 6 (hari bulan) 5 (bulan) 2025

i. Perakuan pelajar:

Saya, SHAMALA A/P RATNA KUMAR, M20211002353 DAN FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk KEBERKESANAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR TERHADAP PENGUSAHAN SIMPULAN BAHASA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak menyalah dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara utusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelanya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, ZURAINI BINTI RAMLI (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk KEBERKESANAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR TERHADAP PENGUSAHAN SIMPULAN BAHASA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

[TA(UK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (BAHASA MELAYU) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

23 JUN 2025

Tanah

Tandatangan Penyelia

UPSI/PPS/IR/1/17
Page: 03 of 03/17



**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: KEBERKESAHAN PENDEKATAN DIDIK HIBUR TERHADAP PENGUSAHAAN
SIMPULAN BAHASA DALAM KALANGAN MURID SEKOLAH MENENGAH

No. Matric /Matric No.: MC20211002353

Saya / I: SHAMALA A/P RATNA KUMAR
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris.
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the theses for academic exchange.
4. Sila tandakan () bagi pilihan kategori di bawah / Please tick () for category below:


SULITI/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang bersejarah keselamatan atau keselamatan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahasia Rangsang 1972 / Contain confidential information under the Official Secret Act 1972


TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat khusus yang boleh diturunkan oleh organisasi/instansi di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS



(Tandatangan Pelajar / Signature)



(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)
DR. ZURAINI RAMLI
Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tarikh: 23 JUN 2025

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini SULITI or TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkekuasaan/organisasi berwenang dengan menyatakan sebab-sebab dan tempoh laporan ini perlu dibenarkan sebagai SULITI dan TERHAD

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restricted



PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada setiap pihak yang telah memberi sokongan dan bantuan dalam menjayakan kajian ini. Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia saya, Dr. Zuraini binti Ramli, yang telah memberikan bimbingan, sokongan, nasihat dan dorongan sepanjang tempoh kajian ini. Dedikasi dan komitmen beliau dalam memberikan tunjuk ajar telah banyak membantu saya dalam setiap langkah kajian ini. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan IPS, para penyelia, guru serta pelajar yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini. Kajian ini tidak akan dapat dijalankan dengan lancar tanpa kerjasama dan sokongan daripada mereka. Terima kasih juga diucapkan kepada rakan-rakan seperjuangan serta keluarga saya yang telah memberi sokongan moral dan dorongan sepanjang tempoh kajian ini. Sokongan yang telah mereka diberikan menjadi kekuatan diri saya untuk menyiapkan kajian ini dengan berjayanya. Akhirnya, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada setiap individu dan organisasi yang secara langsung atau tidak langsung yang telah memberi bantuan serta sumbangan dalam kajian ini. Semoga hasil dapatan kajian ini memberi manfaat yang berguna kepada semua pihak yang terlibat dan menyumbang kepada peningkatan ilmu pengetahuan dalam bidang pendidikan. Sekian, terima kasih.





ABSTRAK

Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan didik hibur dalam pengajaran dan pembelajaran simpulan bahasa. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian campuran yang menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif dengan kaedah kuasi eksperimen berbentuk inferensi serta pemerhatian bukan peserta. Responden kajian ini dipilih melalui pensampelan mudah yang terdiri daripada 60 orang pelajar tingkatan empat dari sebuah sekolah di Klang, Selangor. Dua set ujian simpulan bahasa, iaitu praujian dan pascaujian telah digunakan sebagai instrumen kajian. Ujian ini terdiri daripada 50 soalan simpulan bahasa yang dalam format objektif dan subjektif. Data kajian dianalisis menggunakan analisis statistik deskriptif dan inferensi, khususnya ujian-t dengan bantuan perisian *Statistical Package for Social Sciences* versi 27. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan dalam pencapaian skor min pascaujian antara kumpulan kawalan ($m=58.3$) dan kumpulan rawatan ($m=80.0$). Pencapaian pascaujian kumpulan rawatan yang menjalani PdPc melalui pendekatan didik hibur lebih tinggi berbanding kumpulan kawalan. Nilai signifikan ($t=-6.782, p<.001$) membuktikan bahawa pendekatan didik hibur secara signifikan meningkatkan tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar berbanding pendekatan tradisional yang digunakan dalam kumpulan kawalan. Oleh itu, pendekatan didik hibur terbukti lebih efektif dalam meningkatkan tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman pedagogi mengenai strategi yang berkesan dalam pengajaran simpulan bahasa.





THE EFFECTIVENESS OF FUN LEARNING APPROACH IN THE MASTERY OF MALAY IDIOMS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The objective of this study is to find out the effectiveness of the fun learning approach in the teaching of Malay idioms. This mixed-methods study employs the quasi-experimental research design. Using convenient sampling, the study involved 60 form four students from a secondary school in Klang, Selangor. Two sets of tests, namely the pre-test and post-test, were used as the research instruments. These tests comprised of 50 Malay idiom questions in both objective and subjective formats. Data were analyzed using descriptive and inferential statistical analysis, specifically the *t*-test, with the aid of Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 27. The findings indicate a significant difference in the mean post-test scores between the control group ($m= 58.3$) and the treatment group ($m= 80.0$). The post-test performance of the treatment group, which underwent teaching and learning (PdPc) using the fun learning approach, was higher than that of the control group. Furthermore, the significance value ($t= -6.782, p < .001$) confirms that the fun learning approach significantly enhances students' mastery of Malay idioms compared to the traditional approach used in the control group. Based on the findings, it could be concluded that the fun learning approach is proven to be effective in improving students' mastery of Malay idioms. The present study contributes to the pedagogical understanding of the best strategy for teaching Malay idioms.



KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii
SENARAI LAMPIRAN	xiv
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Pernyataan masalah	6
1.4 Tujuan kajian	9
1.5 Objektif kajian	10
1.6 Persoalan kajian	10
1.7 Hipotesis kajian	11
1.8 Kerangka konseptual kajian	11
1.9 Definisi operasional	15
1.9.1 Pendekatan didik hibur	15

1.9.2 Simpulan bahasa	15
1.10 Batasan kajian	16
1.11 Kepentingan kajian	16
1.12 Rumusan bab	19

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1 Pendahuluan	20
2.2 Teori <i>The Broaden and Build</i> serta kajian lepas yang berkaitan	21
2.3 Pendekatan didik hibur serta kajian lepas yang berkaitan	28
2.3.1 Kajian didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Melayu	32
2.3.2 Kajian didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Inggeris	35
2.3.3 Kajian didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Cina	39
2.3.4 Kajian didik hibur dalam pembelajaran Bahasa Tamil	40
2.3.5 Rumusan kajian lepas didik hibur	42
2.4 Peribahasa dan simpulan bahasa serta kajian lepas yang berkaitan	43
2.5 Rumusan bab	51

BAB 3 METODOLOGI

3.1 Pengenalan	52
3.2 Reka bentuk kajian	52
3.3 Responden kajian	54
3.4 Lokasi kajian	55
3.5 Instrumen kajian	55

3.5.1 Kertas ujian simpulan bahasa	56
3.5.2 Senarai semak pemerhatian	56
3.6 Kesahan dan kebolehpercayaan	58
3.7 Prosedur pengumpulan data	60
3.8 Kaedah penganalisan data	65
3.9 Rumusan bab	66

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1 Pendahuluan	67
4.2 Demografi responden	68
4.2.1 Jantina	68
4.2.2 Bangsa	69
4.2.3 Kategori kumpulan	69
4.3 Perbandingan skor min bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	70
4.3.1 Skor min praujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	71
4.3.2 Skor min pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	73
4.4 Analisis perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan rawatan dalam praujian dan pascaujian	75
4.4.1 Perbezaan skor min kumpulan kawalan dalam ujian pra dan pasca	75
4.4.2 Perbezaan skor min kumpulan rawatan dalam ujian pra dan pasca	76
4.4.3 Perbezaan skor min pascaujian antara kumpulan kawalan dan rawatan	77

4.5 Keberkesanan pendekatan didik hibur yang menghubungkan elemen-elemen teori <i>The Broaden and Build</i> dalam pembelajaran	78
4.5.1 Emosi positif	79
4.5.2 Penemuan	81
4.5.3 Perkembangan	83
4.5.4 Pandangan positif	85
4.6 Rumusan hipotesis kajian	87
4.7 Rumusan bab	89

BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	91
5.2 Rumusan kajian	91
5.3 Perbincangan dapatan kajian	92
5.3.1 Perbincangan dapatan kajian bagi persoalan kajian pertama	92
5.3.2 Perbincangan dapatan kajian bagi persoalan kajian kedua	93
5.4 Implikasi kajian	94
5.4.1 Implikasi teoretikal	94
5.4.2 Implikasi praktikal	99
5.5 Limitasi kajian	101
5.6 Cadangan kajian lanjutan	102
5.7 Kesimpulan	104

RUJUKAN	106
----------------	-----

LAMPIRAN	114
-----------------	-----

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Keputusan ujian kebolehpercayaan instrumen kajian	60
4.1	Taburan responden mengikut jantina	68
4.2	Taburan responden mengikut bangsa	69
4.3	Taburan responden mengikut kategori kumpulan	70
4.4	Julat gred sekolah menengah rendah (SMR)	71
4.5	Skor min praujian kumpulan kawalan	72
4.6	Skor min praujian kumpulan rawatan	73
4.7	Skor min pascaujian kumpulan kawalan	74
4.8	Skor min pascaujian kumpulan rawatan	74
4.9	Perbandingan skor min ujian simpulan bahasa dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan	76
4.10	Perbandingan skor min ujian simpulan bahasa dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan	77
4.11	Perbandingan skor min ujian simpulan bahasa dalam pascaujian antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan	78



SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka konseptual kajian	14
3.1	Kerangka senarai semak pemerhatian	58
3.2	Prosedur pengumpulan data	64
5.1	Perkaitan antara elemen teori <i>The Broaden and Build</i> dengan elemen didik hiburan	98

SENARAI SINGKATAN

ADDIE	Analysis, Design, Development, Implementation and Evaluation
AR	Augmented Reality
BM	Bahasa Melayu
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
IBM	International Business Machines
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
RPH	Rancangan Pembelajaran Harian
SK	Standard Kandungan
SP	Standard Pembelajaran
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	Statistical Package for Social Sciences
UiTM	Universiti Teknologi Mara



SENARAI LAMPIRAN

- A Kertas praujian simpulan bahasa
- B Kertas pascaujian simpulan bahasa
- C Senarai semak pemerhatian
- D Kit aktiviti pembelajaran simpulan bahasa
- E Surat kelulusan menjalankan penyelidikan - KPM
- F Surat kebenaran menjalankan penyelidikan - JPNS
- G1 Surat lantikan pakar penilai instrumen kajian
- G2 Surat lantikan pakar penilai instrumen kajian
- G3 Surat lantikan pakar penilai instrumen kajian
- G4 Surat lantikan pakar penilai instrumen kajian





BAB 1

Pengenalan

1.1 Pendahuluan



Bab pertama ini membincangkan maklumat asas dalam penyelidikan ini seperti latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, soalan kajian dan hipotesis kajian. Selain itu, dibincangkan juga kerangka konseptual kajian, kepentingan kajian, batasan kajian, definisi operasional serta kesimpulan keseluruhan.

Latar belakang kajian ini menerangkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) BM, pendekatan didik hibur dan simpulan bahasa yang terdiri daripada salah satu subkategori peribahasa Bahasa Melayu (BM). Pernyataan masalah kajian berfokus kepada isu-isu yang mengakibatkan para pelajar mencapai pencapaian skor yang rendah dalam BM khususnya dalam bahagian simpulan bahasa. Selain itu, kepentingan kajian ini memberi gambaran yang teliti mengenai keistimewaan yang dapat diperoleh





pelbagai lapisan masyarakat seperti negara, warga sekolah, ibu bapa serta pengkaji-pengkaji yang lain. Batasan kajian pula merangkumi sampel kajian, lokasi kajian dan skop kajian yang lebih mendalam. Akhirnya, definisi operasional menerangkan istilah pendekatan didik hiburan dan simpulan bahasa secara terperinci.

1.2 Latar belakang kajian

BM merupakan mata pelajaran utama di setiap sekolah rendah dan menengah, mengikut Dasar Pendidikan Kebangsaan yang ditetapkan dalam Akta Pendidikan 1996. KSSM BM merangkumi tiga standard yang asas, iaitu Standard Kandungan (SK), Standard Pembelajaran (SP), dan Standard Prestasi. Penggubalan kandungan kurikulum BM bertujuan untuk melahirkan murid yang berketerampilan dan mempunyai kecekapan berbahasa.

Selaras dengan itu, Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) BM telah menggariskan pelbagai pedagogi yang boleh digunakan oleh para pendidik. Pedagogi ini berfokus kepada pembelajaran yang mendalam melalui penerapan aspek Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) supaya dapat melengkapkan para pelajar dengan keterampilan berbahasa serta dibekalkan dengan ilmu pengetahuan yang relevan dengan keperluan semasa.

Salah satu pedagogi yang boleh digunakan oleh pendidik bagi meningkatkan tahap penguasaan BM melalui pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) berasaskan pendekatan didik hiburan. Menurut Owing Ji Seng et al. (2018), guru yang mahir dalam





pendekatan didik hibur boleh mengaplikasikan kaedah ini dengan berkesan bagi mewujudkan hasil yang positif terhadap penguasaan dan pencapaian BM pelajar.

Kurikulum Bahasa Melayu mengaplikasikan pendekatan berbentuk modular dan pembelajaran didik hibur serta pentaksiran secara holistik dan berterusan bagi mencungkil potensi murid untuk meneroka pelbagai bidang ilmu pengetahuan, memperkembangkan dan menilai keupayaan penguasaan kemahiran berbahasa dengan mempamerkan keterampilan dan kecekapan berbahasa. (DSKP KSSM BM Tingkatan 4 dan 5, 2018, p.1)

Pendekatan didik hibur boleh dilaksanakan dalam proses PdPc di sekolah supaya para pelajar berminat terhadap pembelajaran BM serta mendapat peluang yang luas untuk mempertingkatkan penguasaan peribahasa Melayu. Sesi PdPc yang berasaskan didik hibur perlulah diberi penekanan agar dapat menarik minat murid dalam pembelajaran supaya membantu murid memahami dan menguasai bahasa dengan lebih efektif.



Rentetan dengan itu, pendekatan didik hibur membantu bagi wujudnya suasana pembelajaran yang interaktif dan berpusatkan murid. Dengan berinteraksi antara satu sama lain, murid dapat mencapai tahap penguasaan kemahiran belajar mengikut tahap keupayaan masing-masing. Sesi pembelajaran yang berpusatkan murid mendorong mereka untuk menjadi lebih aktif, berdikari dan produktif serta memenuhi tuntutan pembelajaran abad ke-21 (Melvina & Norazah, 2021).

Di samping itu, dengan penggunaan pendekatan didik hibur dalam proses PdPc, murid yang cecal dari segi fizikal, sosial, emosi dan intelektual dapat dibentuk selain mengukuhkan penguasaan kemahiran tatabahasa. Melalui didik hibur, murid berpeluang untuk bebas bersuara, berkongsi idea dan pendapat yang kritis dan kreatif serta bersemangat untuk bekerjasama secara berpasukan. Mazlan Ismail (2016)



menyatakan bahawa kaedah didik hibur dapat membantu murid mempraktikkan KBAT dan menimbulkan rasa ingin tahu mereka terhadap sesi PdPc.

Seterusnya, pelaksanaan pendekatan didik hibur yang berkesan oleh pendidik dapat membantu murid agar mencapai tahap pencapaian yang cemerlang dalam bidang pendidikan. Kenyataan ini disokong oleh Ooi Wan Yee, Abdul Razaq dan Shakila (2022), yang menyatakan bahawa pelaksanaan didik hibur yang dirancang dengan baik oleh guru dapat meningkatkan tahap pencapaian murid. Perkara ini saling berkaitan dengan minat pelajar terhadap pembelajaran kerana didik hibur merupakan suatu kaedah pengajaran yang efektif dan membolehkan pelajar untuk belajar dalam suasana yang seronok serta menumpukan perhatian yang sepenuhnya semasa sesi pengajaran.

Pendekatan didik hibur perlu diintegrasikan dalam proses PdPc di sekolah untuk meningkatkan penguasaan BM di kalangan pelajar sekolah menengah. Oleh itu, adalah penting bagi pihak sekolah untuk memberikan keutamaan kepada penguasaan BM, terutamanya pada elemen sistem bahasa, sejajar dengan penekanan yang telah dinyatakan dalam DSKP. Berdasarkan DSKP, setiap pelajar haruslah menguasai peribahasa yang dikenali sebagai salah satu sistem bahasa.

Sistem bahasa ialah ilmu dan kemahiran bahasa yang perlu dikuasai oleh murid melalui bidang kecekapan bahasa. Sistem bahasa terdiri daripada sebutan dan intonasi, sistem ejaan, tanda baca, tatabahasa, kosa kata, dan peribahasa. Mana-mana aspek sistem bahasa yang wujud sebagai bidang kecekapan dan kemahiran, contohnya, tatabahasa sebagai aspek tatabahasa, dan peribahasa sebagai kemahiran dalam aspek seni bahasa, akan diajarkan secara berfokus. (DSKP KSSM BM Tingkatan 4 dan 5, 2018, p.29)

Peribahasa ialah aspek seni bahasa yang harus diajarkan kepada murid agar mereka dapat menghayati keindahan peribahasa serta dapat mengaplikasikan



penggunaan peribahasa yang betul. Setiap murid perlu menguasai peribahasa kerana aspek ini merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang penting dalam pembelajaran BM. Dalam proses PdPc BM, peribahasa dianggap sama penting dengan elemen-elemen bahasa yang terdapat dalam pembelajaran bahasa (Mary Fatimah & Mohd Ridzuan, 2019). Peribahasa merangkumi aspek simpulan bahasa, perumpamaan, perbilangan, pepatah, dan bidalan. Dalam konteks kajian ini, pengkaji hanya berfokus kepada aspek simpulan bahasa sahaja.

Secara tuntasnya, penguasaan simpulan bahasa dapat dicapai melalui pemilihan teknik atau kaedah PdPc yang sesuai. Selain itu, pelaksanaan pedagogi pengajaran yang bersesuaian memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan pencapaian tahap penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid. Kaedah didik hibur bakal mendatangkan impak yang positif dalam medan pendidikan pada masa akan datang. Hal ini juga memberi gambaran yang teliti bahawa pelaksanaan pendekatan didik hibur dalam pendidikan bukan sahaja membantu murid untuk menguasai kemahiran bahasa dalam suatu suasana pembelajaran yang santai serta menghiburkan malah menghulurkan tangan kepada pendidik untuk mencapai objektif pembelajaran seperti yang dirancang. Oleh hal yang demikian, pendekatan didik hibur harus dihayati dan dikuasai oleh pendidik dan juga murid supaya dapat meningkatkan lagi taraf penguasaan simpulan bahasa serta tahap pencapaian prestasi murid dalam ujian BM.





1.3 Penyataan masalah

Kajian ini meneliti masalah penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar tingkatan empat. Pada era globalisasi ini, pendidikan merupakan satu aspek yang sedang mara ke hadapan dan juga mencabar dalam persada dunia. Penguasaan BM sebagai bahasa rasmi negara, memainkan peranan penting dalam memastikan kecemerlangan murid dalam pembelajaran. Namun begitu, penguasaan BM yang kurang memberangsangkan dalam kalangan murid sekolah menengah bukan sahaja membawa impak yang negatif terhadap penguasaan BM, malah kemahiran aspek simpulan bahasa murid tersebut juga tidak berada pada tahap yang memuaskan. Ini menyebabkan murid mendapat prestasi pencapaian yang kurang cemerlang dalam ujian tatabahasa BM. Beberapa kajian lepas yang telah dijalankan mendapati bahawa penguasaan murid dalam peribahasa masih belum memuaskan.

Shaline dan Alizah (2021) dalam kajian mereka mendapati bahawa tahap kefahaman murid yang lemah dalam memahami makna peribahasa menghadkan murid untuk menggunakan peribahasa dalam PdPc BM. Seterusnya, kajian Muhammad Zaid Daud (2020) menunjukkan bahawa penguasaan peribahasa dalam kalangan pelajar masih rendah, dan pengajaran yang cenderung kepada hafalan sahaja tidak cukup untuk meningkatkan pemahaman mereka terhadap penggunaan peribahasa dalam konteks yang lebih luas. Tambahan pula, kajian yang dijalankan oleh Nor Hashimah dan Junaini (2010), menunjukkan 900 daripada 1500 pelajar remaja yang mengambil bahagian dalam kajian gagal menguasai tahap penguasaan kemahiran peribahasa BM. Pada masa yang sama, pengkaji juga menyatakan bahawa penguasaan BM yang berkenaan dengan makna tersembunyi masih lemah dan harus diberi lebih perhatian. Tambahan pula, Goh





Suzie (1998) menyatakan bahawa pelajar sekolah menengah mempunyai tanggapan bahawa peribahasa ialah bahasa klise yang tidak dapat difahami dengan baik, sukar dihafal serta pengajaran peribahasa sangat membosankan. Ini mengakibatkan kurangnya minat pelajar terhadap pembelajaran serta penggunaan peribahasa BM.

Selain daripada perubahan dalam sistem pendidikan, faktor persekitaran seperti strategi, kaedah dan pendekatan pengajaran yang kurang efisien juga mendorong kemerosotan pencapaian prestasi murid dalam ujian BM. Guru atau pendidik berfungsi sebagai moderator dalam proses PdPc yang berkesan untuk meningkatkan potensi dan pencapaian murid pada tahap yang unggul secara berterusan (SKPMg2 Jemaah Nazir Jaminan Kualiti, 2017).



Minat dan perhatian yang ditunjukkan oleh pelajar terhadap pembelajaran BM makin kurang apabila penggunaan strategi pengajaran yang tidak bersesuaian diterapkan dalam proses PdPc oleh guru. Menurut Abdul Rasid Jamian et al. (2013), teknik PdPc yang digunakan oleh guru BM mestilah mampu menarik perhatian dan minat murid supaya mengikuti pelajaran di sekolah. Hal ini menekankan bahawa guru-guru perlu melaksanakan satu kaedah atau pendekatan yang inovatif dan kreatif dalam proses PdPc supaya murid dapat mengukuhkan penguasaan BM terutamanya dalam kemahiran penguasaan simpulan bahasa.

Seterusnya, pendidik harus sentiasa memotivasikan pelajar untuk mengambil bahagian secara aktif dalam proses PdPc di sekolah. Menurut Fina Rahmat Rahayu (2023), peranan guru dalam PdPc adalah memberi peluang dan sentiasa menggalakkan pelajar untuk berkomunikasi, berkongsi idea atau pendapat dan bekerjasama dengan





rakan sekelas. Guru perlu menjalankan sesi PdPc yang berpusatkan murid. Penglibatan aktif dalam pembelajaran bukan sahaja membantu murid untuk mengembangkan minda malah meningkatkan penguasaan kemahiran dalam sesuatu mata pelajaran. Oleh hal yang demikian, pendekatan didik hibur perlu dilaksanakan oleh pendidik dalam proses PdPc BM agar sesi pembelajaran berpusatkan murid diwujudkan.

Selaras dengan itu, emosi positif pelajar juga memainkan peranan yang penting dalam proses PdPc BM di sekolah. Emosi positif juga dapat memberi inspirasi kepada pelajar supaya menggunakan strategi pembelajaran bahasa dengan lebih cekap yang dapat meningkatkan penguasaan pembelajaran bahasa pelajar. Kenyataan ini dibuktikan melalui kajian Fredrickson (2001) yang menunjukkan bahawa emosi positif meluaskan pemikiran dan tindakan seseorang individu. Selain itu, kajian yang telah dijalankan oleh Mohammadipour et al. (2018) menunjukkan bahawa emosi positif boleh membantu pelajar untuk menggunakan pelbagai jenis strategi pembelajaran bahasa yang lebih sesuai semasa proses pembelajaran bahasa kedua.

Banyak kajian berkaitan penguasaan simpulan bahasa telah dijalankan oleh pengkaji yang lepas. Variasi pendekatan pembelajaran yang mempengaruhi penguasaan kemahiran simpulan bahasa telah dicadangkan dalam kajian tersebut. Didik hibur merupakan suatu pendekatan yang semakin popular dalam bidang pendidikan. Terdapat banyak kajian yang menekankan unsur didik hibur dalam pembelajaran bahasa pada masa kini. Misalnya, kajian yang berkaitan didik hibur dalam proses PdPc bahasa seperti Pendidikan Islam (Mohd Rosmadi & Hafizhah, 2020), Bahasa Inggeris (Tan Ching & Ruhizan, 2022), dan Bahasa Tamil (Meenachi Dorasamy & Norazrena, 2022). Walaupun terdapat kajian berkaitan pendekatan didik hibur dalam BM tetapi





kajian yang menjurus kepada pendekatan didik hibur dalam penguasaan kemahiran simpulan bahasa masih kurang. Oleh hal yang demikian, kajian ini memberikan fokus kepada keberkesanan pendekatan didik hibur dalam penguasaan simpulan bahasa pelajar sekolah menengah.

1.4 Tujuan kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keberkesanan pendekatan didik hibur dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan murid tingkatan empat. Secara umumnya, kajian ini bertujuan untuk memberikan gambaran yang jelas berkaitan pendekatan pembelajaran yang lebih menyeronokkan dapat membantu murid memahami simpulan bahasa dengan cara yang lebih baik.

Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk membandingkan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan yang mengikuti sesi pembelajaran melalui pendekatan tradisional dan kumpulan rawatan yang menjalani sesi pembelajaran melalui pendekatan didik hibur. Penemuan kajian diharapkan dapat memberikan panduan kepada barisan guru BM dalam pemilihan kaedah pengajaran yang lebih kreatif dan inovatif serta memperkukuhkan strategi pengajaran yang selaras dengan keperluan murid.

Tambahan pula, elemen-elemen teori *The Broaden and Build* diterapkan dalam kajian ini bagi menjelaskan kesan emosi positif murid terhadap pembelajaran, yang seterusnya menyokong keberkesanan pendekatan didik hibur dalam konteks pendidikan





BM. Kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada penambahbaikan pedagogi BM serta menyediakan asas yang kukuh untuk penyelidikan lanjut dalam bidang pendidikan.

1.5 Objektif kajian

Objektif khusus kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Menganalisis perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian.
- ii. Mengenal pasti keberkesanan pendekatan didik hibur dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dengan menghubungkan elemen-elemen teori *The Broaden and Build* dalam pembelajaran.



1.6 Persoalan kajian

Secara khususnya, skop kajian ini menjurus kepada beberapa soalan kajian seperti yang berikut:

- i. Apakah perbezaan tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian?
- ii. Adakah pendekatan didik hibur berkesan dalam meningkatkan penguasaan simpulan bahasa dengan menghubungkan elemen-elemen teori *The Broaden and Build* dalam pembelajaran?





1.7 Hipotesis kajian

- i. H_{01} : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam tahap penguasaan simpulan bahasa antara kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian dan pascaujian.

1.8 Kerangka konseptual kajian

Kerangka konseptual kajian dalam Rajah 1.1 merangkumi tiga elemen, iaitu pemboleh ubah tidak bersandar, pemboleh ubah bersandar dan pengukuran. Pemboleh ubah tidak bersandar bagi kajian ini ialah pendekatan didik hibur. Pendekatan ini diaplikasikan kepada kumpulan rawatan dalam proses pengajaran simpulan bahasa manakala kumpulan kawalan pula akan menjalani proses PdPc melalui pendekatan tradisional.

Pendekatan didik hibur berpusatkan murid manakala pendekatan tradisional pula berpusatkan guru. Tambahan pula, pendekatan didik hibur membantu mewujudkan suasana sesi pembelajaran yang interaktif serta menyeronokkan. Pendekatan tradisional kurang menarik minat murid kerana hanya komunikasi sehalu yang dilakukan oleh guru.

Dalam kajian ini, kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan telah melalui proses pengukuran. Pengukuran merujuk skor yang dicapai oleh murid dalam praujian dan pascaujian. Skor ujian simpulan bahasa dikira berdasarkan julat dan skema pemarkahan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) terkini yang ditetapkan oleh





Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Intihanya, hasil kajian diperoleh melalui skor pencapaian simpulan bahasa berdasarkan pendekatan tradisional dan pendekatan didik hiburan. Skor ujian simpulan bahasa merupakan pemboleh ubah bersandar bagi kajian ini.

Seterusnya, teori yang mendasari kajian ini ialah model teori *The Broaden and Build*. Teori ini merangkumi empat elemen utama, iaitu elemen emosi positif, penemuan, perkembangan dan pandangan positif. Pengkaji menggunakan teori *The Broaden and Build* dalam PdPc simpulan bahasa melalui pendekatan didik hiburan. Elemen yang pertama ialah emosi positif yang merujuk unsur keseronokan, keterujaan, rasa ingin tahu, pemikiran mantap dan pengalaman baharu yang mempengaruhi pedagogi pembelajaran melalui pendekatan didik hiburan.



Pertama sekali, elemen penemuan dalam kajian ini melibatkan aspek strategi pengajaran, idea atau pendapat baharu dan persahabatan. Kemahiran penguasaan simpulan bahasa seseorang murid dapat diperkukuh apabila pendidik menggunakan pelbagai jenis teknik pengajaran yang inovatif dan kreatif. Sebagai contohnya, guru BM boleh menggunakan pantun teka-teki untuk mengajar simpulan bahasa supaya pelajar dapat melibatkan diri dalam sesi pembelajaran secara aktif. Selain itu, aktiviti seperti ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran penguasaan simpulan bahasa, malah dapat mengeratkan jalinan hubungan kerana berlakunya perbincangan dua hala antara pelajar dan pendidik. Ini juga dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang ceria dan damai di dalam bilik darjah.






Kedua ialah elemen perkembangan yang menjurus kepada perkembangan mental, fizikal dan sosial seseorang murid. Pengaplikasian elemen ini dalam pembelajaran simpulan bahasa melalui pendekatan didik hibur dapat membantu perkembangan pelajar dari segi kemahiran dan pengetahuan. Unsur lakonan, nyanyian, aktiviti bercerita dan puisi dalam PdPc BM dapat meningkatkan kemahiran daya ingatan pelajar khususnya dalam penguasaan simpulan bahasa.

Seterusnya, bagi elemen pandangan positif dalam kajian ini, pengkaji berfokus kepada perubahan positif pada diri pelajar yang merujuk kepada skor pencapaian prestasi pelajar dalam ujian simpulan bahasa manakala persekitaran pembelajaran pula merujuk kepada suasana pembelajaran yang cendrung, interaktif, kreatif dan lebih menyeronokkan. Pendekatan didik hibur dalam proses PdPc mampu mendatangkan hasil yang positif kepada setiap individu yang terlibat. Secara tuntasnya, kerangka konseptual kajian ini memperkukuh elemen-elemen pendekatan didik hibur dalam proses PdPc BM khususnya dalam kalangan murid sekolah menengah. Oleh hal yang demikian, dijangkakan berlakunya peningkatan yang cemerlang terhadap tahap pencapaian skor ujian simpulan bahasa kerana elemen-elemen teori *The Broaden and Build* yang dikemukakan dalam teori adalah berciri holistik serta menggabungkan elemen tersebut secara menyeluruh kepada elemen didik hibur. Rajah 1.1 memberikan gambaran yang jelas tentang kerangka konseptual kajian ini dengan teliti serta mudah difahami.



Rajah 1.1

Kerangka konseptual kajian





1.9 Definisi operasional

Bahagian ini menjelaskan maksud khusus bagi setiap konsep atau istilah utama yang digunakan dalam kajian, mengikut konteks kajian ini.

1.9.1 Pendekatan didik hibur

Didik hibur ialah satu kaedah yang diaplikasikan dalam proses PdPc yang bersifat seronok dan menghiburkan seperti permainan, nyanyian, bercerita, lakonan, dan puisi secara terkawal dan terancang. Didik hibur mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih ceria kerana terdapat ciri-ciri seperti kelakar, kecindan, estetik, permainan muzik, lakonan dan lain-lain (KPM, 2010). Dalam kajian ini, didik hibur merujuk pelaksanaan teknik nyanyian, bercerita, lakonan dan puisi dalam proses PdPc simpulan bahasa.

1.9.2 Simpulan bahasa

Simpulan bahasa ialah salah satu cabang dalam peribahasa Melayu, bersama elemen lain seperti perumpamaan, pepatah, kata-kata hikmah dan bidalan. Aspek ini merujuk ungkapan dua atau tiga patah perkataan yang mempunyai maksud berbeza daripada maksud asal. Simpulan bahasa juga boleh merujuk perkataan atau kumpulan perkataan tertentu yang mempunyai makna yang berbeza daripada makna biasa. Dalam konteks kajian ini, simpulan bahasa merujuk senarai simpulan bahasa yang tersenarai dalam buku teks BM KSSM Tingkatan 4 dan 5 sahaja.





1.10 Batasan kajian

Pengkaji telah membataskan skop kajian ini dengan hanya memberi tumpuan kepada penguasaan aspek simpulan bahasa yang terkandung dalam buku teks BM KSSM Tingkatan 4 dan 5 sahaja. Responden kajian terdiri daripada murid tingkatan empat di sebuah sekolah menengah. Seramai 60 orang murid dipilih daripada dua buah kelas sebagai responden kajian. Daripada 60 orang murid yang dipilih, 30 orang murid mewakili kumpulan kawalan manakala 30 orang murid lagi mewakili kumpulan rawatan. Pengkaji menggunakan ujian simpulan bahasa sebagai alat pengukur dalam kajian yang dijalankan. Oleh sebab itu, dapatan kajian yang diperolehi sah bagi kumpulan responden yang terlibat dalam kajian ini sahaja.



1.11 Kepentingan kajian

Kajian ini berfokus kepada keberkesanan pendekatan didik hibur dalam penguasaan simpulan bahasa serta tahap pencapaian murid dalam ujian simpulan bahasa. Berdasarkan matlamat kajian, hasil dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu setiap lapisan pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung.

Pertama sekali, kajian ini menekankan kepentingan perkembangan BM yang mantap dalam struktur pendidikan khususnya bagi kemahiran penguasaan simpulan bahasa. Pelaksanaan teknik didik hibur dalam pembelajaran simpulan bahasa dapat mewujudkan sesi PdPc yang kreatif dan inovatif. Hal ini dibuktikan melalui kajian Sivasanggari Saktianayakan et al. (2023) yang menyatakan bahawa pengaplikasian





didik hiburan mendorong murid untuk melibatkan diri secara kreatif dalam membuat keputusan dan penilaian dan juga melakukan analisis dengan cekap apabila sesuatu tugas diberi. Dengan adanya kepelbagaian dalam teknik mengajar melalui didik hiburan, membantu guru untuk membezakan tahap keberkesanan teknik pengajaran terhadap pencapaian atau prestasi murid dalam penguasaan simpulan bahasa. Oleh itu, hasil kajian ini dapat membantu pengkaji untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mengakibatkan murid lemah dalam penguasaan simpulan bahasa.

Selain itu, hasil dapatan yang diperoleh daripada kajian ini diharapkan akan membekalkan maklumat pencetus kepada KPM untuk mengetahui tahap keberkesanan pendekatan didik hiburan dalam proses PdPc di setiap sekolah. Pelaksanaan kaedah pengajaran yang berbeza oleh guru dapat memastikan keperluan pelajar, sama ada mereka yang pintar atau yang cicir dalam pelajaran, terpenuhi. Pendekatan pengajaran yang berbeza juga memberikan peluang yang sama rata kepada setiap murid untuk mencapai potensi maksimum dalam pembelajaran (Ain Nur Atika, 2022). Oleh hal yang demikian, hasil kajian ini diharapkan dapat membantu pihak KPM untuk membuat pertimbangan terhadap penggunaan kaedah-kaedah pengajaran yang berkesan agar dapat mempertingkatkan kualiti pengajaran BM di sekolah khususnya sekolah menengah.

Seterusnya, hasil dapatan kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan kepada barisan pendidik BM dalam menggunakan pendekatan didik hiburan dengan cara yang efisien supaya membantu penguasaan simpulan bahasa murid sekolah menengah. Hal ini penting untuk membentuk murid-murid yang berfikiran kritis dan kreatif dalam penguasaan BM dari segi aspek kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.





Kajian yang dijalankan oleh Norlela Ahmad dan Shamsudin Othman (2020) menyatakan bahawa guru-guru harus menguasai kemahiran pedagogi, khususnya pendekatan didik hibur bagi penguasaan kemahiran BM dalam kalangan murid. Oleh itu, kajian ini membantu guru-guru BM untuk mendapat gambaran yang lebih jelas untuk melakukan penambahbaikan terhadap tahap pengetahuan dan pemahaman mereka dalam penggunaan kaedah didik hibur yang efektif dan berkesan dalam sesi pengajaran di dalam kelas.

Di samping itu, hasil kajian ini juga diharapkan dapat membantu murid untuk memahami kepentingan penggunaan didik hibur dalam pembelajaran BM. Murid harus bersiap sedia untuk menghayati ilmu pengetahuan yang dicurahkan oleh pendidik dengan menggunakan pendekatan didik hibur dalam pembelajaran untuk mencapai pencapaian prestasi yang baik dalam pembelajaran simpulan bahasa. Kajian yang dijalankan oleh Ramlah Jantan dan Mahani Razali (2002) menyatakan bahawa sesi PdPc yang dilaksanakan sepenuhnya menggunakan pendekatan tradisional menjadi penghalang kepada murid untuk meningkatkan prestasi dalam pembelajaran. Oleh itu, murid perlu bersedia untuk mempelajari dan menguasai BM melalui kaedah didik hibur lalu berusaha untuk mengukuhkan pencapaian prestasi pengajaran yang cemerlang dalam pembelajaran simpulan bahasa.

Akhir sekali, hasil dapatan kajian ini juga diharapkan akan menjadi dorongan kepada pengkaji-pengkaji yang akan datang untuk menjalankan kajian yang lebih mendalam yang berkaitan dengan aspek penguasaan simpulan bahasa. Dengan ini, sekali lagi setiap pihak dapat memahami kepentingan penguasaan BM khususnya dalam penguasaan simpulan bahasa dalam kalangan pelajar sekolah menengah.





1.12 Rumusan bab

Bab ini menerangkan tajuk kajian serta tujuan kajian ini dijalankan. Selain itu, dibincangkan juga dengan lebih teliti mengenai kerangka konseptual dan kerangka teoretikal yang digunakan dalam kajian. Secara keseluruhannya, pengaplikasian pendekatan didik hibur dalam proses PdPc Bahasa Melayu dapat memberikan impak yang positif kepada pendidik dan pelajar dari segi penguasaan simpulan bahasa serta tahap pencapaian yang cemerlang dalam ujian simpulan bahasa.

